

## **PENUTUP**

1. Secara keseluruhannya, setakat 31 Disember 2024, sebanyak 142 daripada 145 Penyata Kewangan Agensi Persekutuan bagi tahun 2023 telah dikemukakan untuk pengesahan Ketua Audit Negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 142 Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2023 telah selesai pengauditan dan pensijilan. Sebanyak 133 Penyata Kewangan Agensi Persekutuan telah diberikan Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Tanpa Teguran (Unmodified Opinion). Selain itu, sembilan Penyata Kewangan Agensi Persekutuan telah diberi Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion), iaitu lapan Pendapat Berteguran dan satu Pendapat Bertentangan.
2. Pelaporan Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2023 menekankan lima perkara utama, iaitu Aset dan Liabiliti, Geran Kerajaan Persekutuan, Pinjaman Diterima, Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari dan Lebihan atau Kurangan Semasa.
3. Selain itu, pelaporan Fokus Utama Audit (Key Audit Area) bagi Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2023 memberi tumpuan secara mendalam terhadap isu usaha berterusan (going concern) SWCorp, tunggakan bayaran balik pinjaman pendidikan PTPTN dan pengurusan Dana Penyelidikan Fundamental lima Universiti Penyelidikan. Fokus Utama Audit ini adalah sejajar dengan pemantapan tatakelola dalam sistem pengurusan kewangan Agensi Persekutuan termasuk menangani isu ketirisan, pemborosan dan pembaziran.
4. Setiap Agensi Persekutuan perlu mematuhi undang-undang, Prosedur Operasi Standard (SOP) atau polisi kewangan yang telah ditetapkan dan berkuat kuasa, menambah baik sistem kewangan dan menyelenggara rekod perakaunan dengan lengkap dan kemas kini bagi memastikan pelaporan kewangan yang tepat. Agensi Persekutuan dan Syarikat Subsidiari hendaklah meneruskan operasinya berdasarkan usaha berterusan dengan mengurangkan liabiliti yang bersifat komitmen kewangan di samping mengurangkan kebergantungan kepada Kerajaan Persekutuan. Selain itu, Ketua Agensi Persekutuan perlu mengambil tindakan penambahbaikan terhadap sistem kawalan dalaman bagi mencapai tatakelola pengurusan kewangan yang baik. Perkara ini penting agar Agensi Persekutuan dapat melaksanakan fungsinya dengan berkesan, mencapai objektif penubuhan, berdaya maju dan memberi pulangan terbaik kepada pemegang taruh.

**Ketua Audit Negara**

**Putrajaya  
21 Januari 2025**